
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**HBT 213 – SINTAKSIS DAN SEMANTIK UNTUK
PENTERJEMAHAN**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian.
2. Jawab EMPAT soalan sahaja.
3. Jawab DUA soalan daripada setiap bahagian.

Bahagian A: Jawab mana-mana DUA soalan.

1. Jawab soalan [a] – [c].

DATA 1

- [i] Saya berlari dengan laju.
- [ii] Kawan saya ialah seorang doktor yang menggemari nasi ayam.
- [iii] Ahmad tahu bahawa buku ini mahal.
- [iv] Ahmad percaya bahawa buku-buku itu murah.
- [v] Maria membeli sepasang kasut untuk saya.

- [a] Terjemahkan ayat dalam **DATA 1** ke dalam bahasa Inggeris.
[5 markah]
- [b] Berpandukan terjemahan di atas huraikan perbezaan antara struktur frasa dalam bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris untuk setiap ayat tersebut.
[10 markah]
- [c] Nyatakan jenis-jenis ayat berdasarkan struktur dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang telah diterjemahkan dalam [a].
[10 markah]

2. Huraikan perbezaan antara **kelas tertutup** dengan **kelas terbuka** dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang perlu diberikan perhatian dalam terjemahan. Berpandukan huraian ini bincangkan perbezaan ciri-ciri dan distribusi kedua-dua kelas tersebut bagi kedua-dua bahasa secara terperinci.

[25 markah]

3. Jawab [a] - [b].

DATA 2

kereta yang biru itu	dua buah rumah itu
makan nasi basi	dalam rumah yang kecil
kereta biru saya	

- [a] Terjemahkan frasa dalam **DATA 2** ke dalam bahasa Inggeris.

[5 markah]

- [b] Berpandukan terjemahan dalam [a] huraikan persamaan dan perbezaan urutan konstituen dalam frasa bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Pastikan konsep kepala dibincangkan sekali.

[20 markah]

Bahagian B

Jawab mana-mana DUA soalan.

4. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, huraikan LIMA makna menurut Leech (1981) dan kesannya terhadap penterjemahan.

[25 markah]

5. Teliti **DATA 3** dan jawab soalan [a] - [c].

DATA 3

- [i] Child's stool great for use in Garden.
[ii] Drunk Gets Nine Months in Violin Case.
[iii] I am prepared to give the sum of one million dollars to you and your husband.
[iv] Yoko Ono will talk about her husband John Lennon who was killed in an interview with Barbara Walters.
[v] The suit is lighter than that.

Sumber dipetik dari: <http://www.diplomacy.edu/Language/Ambiguity/types.htm>,

- [a] Huraikan konsep ketaksaan dan kenal pasti jenis ketaksaan yang terdapat dalam setiap ayat di atas.

[10 markah]

- [b] Huraikan perbezaan tafsiran yang wujud pada setiap ayat taksa dalam **DATA 3**.

[5 markah]

- [c] Terjemahkan kesemua ayat taksa dalam **DATA 3** ke dalam bahasa Melayu. Bincangkan masalah yang akan timbul semasa menterjemah.

[10 markah]

6. Teliti **DATA 4** dan jawab soalan [a] - [d].

DATA 4

- [i] Your insincere apology just added fuel to the fire.
[ii] That kindled my ire.
[iii] After the argument, Dave was smoldering for days.
[iv] Boy, am I burned up!
[v] God, he was so mad I could see the smoke coming out of his ears.

Sumber dipetik dari: <http://www.sil.org/linguistics/GlossaryOfLinguisticTerms/WhatsAMetaphor.htm>

- [a] Huraikan konsep metafora secara ringkas.
[4 markah]
- [b] Kenal pasti perkataan atau frasa yang menggunakan metafora dalam setiap ayat dalam **DATA 4** di atas. Berikan asas yang mendasari setiap metafora tersebut.
[6 markah]
- [c] Senaraikan lima [5] kaedah menterjemah metafora menurut Larson, M.L. (1984).
[5 markah]
- [d] Terjemahkan setiap ayat dalam **DATA 4** ke dalam bahasa Melayu. Berdasarkan penjelasan anda dalam [c], nyatakan kaedah yang telah digunakan sewaktu menterjemah setiap metafora dalam **DATA 4**.
[10 markah]